

Bekas PM terkejut duit masuk dalam akaun peribadi

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam, diberitahu bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terkejut dan kecewa apabila mengetahui terdapat wang dimasukkan dalam akaun peribadi miliknya.

Pengarah Urusan Ihsan Perdana Sdn Bhd (IPSB), Datuk Dr Shamsul Anwar Sulaiman, berkata beliau melihat reaksi Najib dalam pertemuan di rumah Ahli Parlimen Pekan itu di Jalan Langgak Duta selepas beliau (Dr Shamsul Anwar) dibebaskan daripada tahanan reman pada 2015.

Bagaimanapun, saksi ke-37 pendakwaan itu berkata, Najib tidak memintanya membuat laporan

polis selepas mendapat tahu perkara itu.

Shamsul Anwar yang menjawab soalan balas peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib, berkata beliau direman lima hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan memberikan kenyataan berhubung wang disalurkan daripada akaun 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada anak syarikat termasuk SRC International dan IPSB.

“Dalam pertemuan itu, saya menceritakan kepada Najib perihal saya ditahan reman dan disoal siasat SPRM, selain memberitahunya ada wang IPSB yang dima-

sukkan dalam akaun peribadinya.

“Beliau nampak terkejut dan kecewa, beliau beritahu ada orang masukkan wang itu dalam akaun peribadinya dan tidak tahu langsung mengenai transaksi itu serta mengapa ia dilakukan melalui syarikat saya (IPSB),” katanya.

Bagaimanapun, ketika menjawab soalan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Saifuddin Hashim Musaimi sama ada Najib menyuruhnya membuat laporan polis, Shamsul Anwar menjawab “Tidak”

Ketika disoal lanjut oleh Muhammad Shafee, Shamsul Anwar berkata, semua program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dijalan-

kan IPSB adalah idea Najib.

Ikhlas ringan beban rakyat

Beliau berkata, Najib ikhlas meringankan beban rakyat.

Katanya, beliau sangat rapat dengan bekas Perdana Menteri itu dan sering bertemu empat atau lima kali setahun serta kerap berhubung melalui telefon atau aplikasi WhatsApp.

Sementara itu, Shamsul Anwar berkata, akaun IPSB juga digunakan sebagai 'transit' sebelum wang dalam jumlah besar dipindahkan kepada syarikat Global Mail Resources dan akaun persendirian 'individu tidak diketahui.'

Bagaimanapun, saksi itu berkata,

beliau hanya mengetahui 'individu tidak diketahui' itu adalah Najib melalui artikel *Wall Street Journal* (WSJ) dan selepas diberitahu pegawai SPRM ketika direman.

“Pegawai SPRM memberitahu saya, wang 1MDB dipindahkan dalam akaun SRC dan IPSB yang berakhir ke dalam akaun peribadi Najib.

“Saya tak tahu perkara ini. Ketika disoal siasat mereka bertanya berulang kali siapa pemegang akaun itu, tetapi saya menyatakan tidak mengetahui identiti individu itu.

“Saya hanya mengetahui ia akaun Najib apabila membaca artikel WSJ dan apabila pegawai SPRM beritahu mengenainya,” katanya.